

SULIT NAMA : _____
 TING : _____
 ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**JABATAN PELAJARAN
JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
 SEJARAH
 Kertas 2
 September
 2 ½ jam**

1249/2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Tulis jawapan bagi Bahagian B pada Buku Jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan Kertas Helaiian Tambahan jika helaiian dalam Buku Jawapan tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang haru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1** Tamadun Indus ialah tamadun terawal di India yang banyak menyumbang kepada pembentukan ketamadunan manusia.
- (a) Beri dua kegiatan ekonomi masyarakat Indus.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (b) Nyatakan dua ciri bandar terancang dalam tamadun Indus.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (c) Senaraikan dua golongan masyarakat dalam organisasi sosial di Lembah Indus.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan sumbangan tamadun Indus kepada perkembangan tamadun manusia.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (e) Pada pandangan anda, apakah peranan generasi muda dalam mengekalkan kemajuan tamadun negara kita?
- (i)
- (ii) [2 markah]

2 Nabi Muhammad s.a.w. menguasai semula kota Makkah pada tahun 630 M.

(a) Nyatakan dua sebab baginda membuka semula kota Makkah.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Mengapakah al-Abbas dan Abu Sufian memeluk Islam sebelum tentera Islam menguasai kota Makkah?

- (i) [1 markah]

(c) Beri dua taktik yang digunakan oleh baginda semasa membuka semula kota Makkah.

- (i)
- (ii) [2 markah]


(d) Apakah kepentingan pembukaan semula kota Makkah?

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

(e) Pada pandangan anda, apakah iktibar yang diperolehi daripada peristiwa pembukaan semula kota Makkah?

- (i)
- (ii) [2 markah]

3 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran di negara-negara Asia Tenggara sebelum dan selepas kedatangan Barat.



(a) Apakah tujuan negara-negara penjajah memperkenalkan sistem birokrasi Barat?

- (i) [1 markah]

(b) Beri dua ciri umum sistem birokrasi Barat.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(c) Nyatakan dua kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap sistem pentadbiran tradisional.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(d) Bagaimanakah British melaksanakan pemerintahan di Negeri-Negeri Selat?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(e) Pada pandangan anda, mengapakah generasi muda hari ini perlu mempertahankan kedaulatan negara kita?

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT


4 Jadual berikut berkaitan dengan penubuhan Persekutuan Malaysia..

Tarikh	Peristiwa Sejarah
16 September 1963	Penubuhan Persekutuan Malaysia merangkumi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah

- (a) Apakah maksud negara Persekutuan?
 (i) [1 markah]
- (b) Beri dua bidang kuasa Senarai Negeri.
 (i)
 (ii) [2 markah]
- (c) Nyatakan dua bidang kuasa Senarai Bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
 (i)
 (ii) [2 markah]
- (d) Pada pandangan anda, mengapakah Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri harus menjalin hubungan baik?
 (i)
 (ii)
 (iii) [3 markah]
- (e) Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin Kerajaan Persekutuan, apakah usaha yang perlu dilakukan agar kestabilan politik negara bertekalan?
 (i)
 (ii) [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

5 Rajah berikut berkaitan dengan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.



- (a) Terangkan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari segi perdagangan.
 [10 markah]
- (b) Apakah sifat terpuji dalam kalangan pedagang Islam yang mempercepat penyebaran Islam ke Asia Tenggara?
 [5 markah]
- (c) Bagaimanakah generasi muda Malaysia boleh menerapkan unsur-unsur Islam dalam perdagangan?
 [5 markah]
- 6 (a) Terangkan cara kedatangan buruh luar ke Tanah Melayu :
 (i) Dari China [6 markah]
 (ii) Dari India [6 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan kemasukan buruh luar ke negara kita?
 [4 markah]
- (c) Pada pandangan anda, bagaimanakah negara kita boleh mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing?
 [4 markah]

- 7 (a) Jelaskan perjuangan Kaum Muda dalam Gerakan Islah di Tanah Melayu. [8 markah]
- (b) Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan persatuan yang bersifat separa politik? [6 markah]
- (c) Perkembangan persatuan di Sabah dan Sarawak adalah hasil daripada pengaruh persatuan di Semenanjung.
- (i) Mengapakah kegiatan persatuan di Sarawak lebih baik daripada di Sabah? [3 markah]
- (ii) Jelaskan sebab kesedaran berpersatuan tidak menonjol di Sabah. [3 markah]
- 8 (a) Terangkan perkembangan dasar pendidikan negara sebelum merdeka. [8 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan Malaysia dalam bidang pendidikan. [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, bagaimanakah perpaduan boleh dicapai melalui sistem pendidikan? [4 markah]
9. Konflik antarabangsa yang melibatkan kuasa-kuasa besar telah berlaku pada pertengahan abad ke-20.
- (a) Apakah faktor berlakunya Perang Dunia Pertama? [7 markah]
- (b) Mengapakah Liga Bangsa gagal mencapai matlamatnya? [5 markah]
- (c) Kegagalan siri rundingan selepas Perang Dunia Kedua membawa kepada kemunculan Blok Dunia dan Perang Dingin.
- (i) Nyatakan perbezaan ideologi antara Blok Kapitalis dan Blok Komunis. [4 markah]
- (ii) Apakah kesan Perang Dingin? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT